



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Website: (English, BM, Chinese & Tamil)
<https://consumer.org.my>

facebook.com/ConsumerAssociationPenang
twitter.com/consumer_penang
instagram.com/consumer_penang

Surat Kepada Pengarang

14 Ogos 2025

Fokus kepada Isu Sebenar, Bukan Kesilapan yang Tidak Sengaja

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa rakyat Malaysia supaya tidak terjerumus ke dalam kemarahan yang tidak perlu berhubung insiden bendera Malaysia secara tidak sengaja dipamerkan secara terbalik baru-baru ini. Orang yang bertanggungjawab telah mengakui kesilapan itu dan mengeluarkan permohonan maaf. Itu sepatutnya sudah memadai.

Ia amat merisaukan apabila perkara sebegini dirampas dan dipolitikkan, mengubah kesilapan yang tidak sengaja menjadi peluang untuk gangguan atau buli. Membakar sentimen perkauman atau komunal atas apa yang jelas satu kesilapan tidak memberi manfaat kepada sesiapa dan hanya menjejaskan keharmonian sosial.

Sebagai sebuah negara, kita menghadapi cabaran yang mendesak dan kompleks seperti kekurangan tenaga kerja, inflasi yang meningkat, ketidaktentuan dalam bekalan makanan kita dan pengangguran. Ini menuntut tenaga, tumpuan dan perpaduan kita jauh lebih daripada fitnah individu atas kesilapan kecil. Kita sepatutnya membetulkan kesilapan itu, menerima permohonan maaf yang dinyatakan dengan suci hati, dan bergerak ke hadapan bersama-sama.

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)